



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

**SEMBAHYANG:  
HUKUM MEMBACA DOA SELEPAS SURAH AL-FATIHAH  
( Bilangan 309)**

*(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun sembahyang. Jika surah al-Fatihah itu tidak dibaca, maka sembahyang tersebut tidak sah.

Sementara membaca doa pula, secara umumnya adalah dituntut oleh syara', malah sesiapa yang enggan berdoa adalah dimurkai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** "*Sesiapa yang tidak memohon (meminta) kepada Allah, Dia (Allah) murka kepadanya.*"

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Dalam sembahyang, memperbanyakkan doa ketika sujud adalah digalakkan, sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam*:

( )

**Maksudnya:** “*Sehampir-hampir hamba dari (rahmat dan fadhilat) Tuhannya adalah (ketika) dia sujud, maka kamu perbanyakkanlah doa.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Sementara membaca doa selepas surah al-Fatihah, seperti membaca “ ”, adakah ia disunatkan ataupun sebaliknya? Oleh itu, eloklah dijelaskan hukum membaca doa selepas surah al-Fatihah di dalam sembahyang.

### **Hukum Membaca Doa Selepas Surah Al-Fatihah**

Orang yang membaca surah al-Fatihah, sama ada al-Fatihah itu dibaca ketika sembahyang atau di luar sembahyang, adalah disunatkan untuknya membaca doa memohon keampunan bagi dirinya iaitu: “ ” atau membaca doa memohon keampunan bagi dirinya, ibu bapanya dan keseluruhan umat Islam iaitu: “ ”. Waktunya antara selepas membaca “ ” dan sebelum mengucapkan “ ” sebagaimana kata Syaikh ‘Ali asy-Syibramallisi *Rahimahullah*.

Bagaimana pula jika doa itu tadi ditambah atau diganti dengan doa-doa lain seperti doa penerang hati dan sebagainya?

Dalam hal ini, Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* menjelaskan mengenainya, ketika mensyarahkan perkataan pengarang kitab Fath al-Mu‘in ( ) ertinya, “ *kecuali bacaan* ” katanya:

( ) :

**Ertinya:** “Iaitu dikecualikan daripada melafazkan sesuatu bacaan ( selepas membaca dan sebelum menyebut ) melafazkan lafaz doa ( ), maka sesungguhnya ia ( bacaan itu ) tidak memudharatkan ( tidak menghilangkan hukum sunat menyebut ) berdasarkan hadits “ hasan ”, bahawasanya Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam pernah mengucapkan sesudah membaca ( ), lafaz doa ( ).”

Daripada nas di atas dapat diketahui hukum melafazkan sesuatu bacaan sama ada ia zikir atau doa, boleh menghilangkan hukum sunat menyebut ‘amin’. Akan tetapi jika bacaan itu doa yang lafaznya “ ”, maka ia terkecuali daripada terjejasnya hukum mengaminkan bacaan al-Fatihah.

Syaikh ‘Ali asy-Syibramalissi *Rahimahullah* pula menjelaskan kedudukan hukum jika lafaz doa “ ” itu ditambah dengan lafaz yang lain, sebagaimana katanya:

**Ertinya:** “Dan sayugia bahawasanya jika dia menambah ( lafaz ) itu, ( ) dengan lafaz bacaan ( ), ia juga tidak memudharatkan ( tidak menggugurkan hukum sunat menyebut ). ”

### **Ma’mum Hanya Dituntut Mengaminkan Al-Fatihah Imam**

Adapun ma’mum yang mendengar bacaan al-Fatihah imam, tidak disunatkan membaca “ ” ini. Ma’mum yang mendengar bacaan al-Fatihah imam hanyalah disunatkan mengaminkan bacaan al-Fatihah imam itu.

Dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin* menyebutkan bahawa Asy-Syarif Al-'Allamah Thahir bin Husein *Rahimahullah* berkata:

**Ertinya:** *“Tidak dituntut daripada ma‘mum ketika imam selesai membaca al-Fatihah, bacaan “ ” bahkan hanya dituntut mengaminkannya sahaja, dan bacaan “ ” itu hanya disunatkan bagi pembaca al-Fatihah sahaja sewaktu diam seketika (saktah) di antara bacaan ayat terakhir surah al-Fatihah dan bacaan amin.”*

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa orang yang membaca surah al-Fatihah dalam sembahyang disunatkan berdoa sebelum menyebut amin, memohon keampunan bagi diri, ibu bapa dan sekalian umat muslimin, iaitu: “ ”  
adalah tidak menghilangkan atau menggugurkan hukum sunat mengaminkan al-Fatihah ( menyebut ).

Namun menambah doa memohon keampunan bagi diri, ibu bapa dan sekalian umat muslimin tersebut dengan doa yang lain seperti doa penerang hati, doa memohon diberikan ilmu dan sebagainya, adalah menghilangkan atau menggugurkan hukum sunat mengaminkan al-Fatihah ( menyebut ).